

BAB KETIGA

IMPLIKASI PEMELOUKAN AGAMA ISLAM TERHADAP NAFKAH MENURUT UNDANG-UNDANG SIVIL

3.0 Pendahuluan

Bab ini membincangkan hak-hak nafkah bagi orang bukan Islam menurut undang-undang Sivil, serta implikasi pemelukan agama Islam terhadap hak-hak nafkah. Perbincangan menyentuh hak-hak nafkah isteri, nafkah anak, nafkah anak angkat, anak tak sah taraf serta nafkah suami yang tak upaya.

3.1 Hak-hak Nafkah Menurut Undang-undang Sivil

Bagi orang bukan Islam, terdapat beberapa undang-undang yang digunakan untuk memperaturkan perkara nafkah orang bukan Islam. Antaranya ialah Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950, Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968, Akta Perintah Nafkah (Kemudahan Bagi Penguatkuasaan) 1949, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dan Ordinan Nafkah 1959 (Sabah).

Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950 (Akta 1950) hanya terpakai di Semenanjung Malaysia dan boleh digunakan oleh seorang isteri semasa perkahwinannya masih wujud. Seksyen 13 menyatakan ia tidak terpakai kepada orang-orang Islam jika undang-undang negeri memperuntukkannya. Seksyen 3 Akta 1950 memperuntukkan bahawa, mahkamah boleh memerintahkan seseorang untuk memberi

elaun bulanan untuk nafkah isteri atau anaknya.¹²⁶ Mahkamah yang dimaksudkan ialah Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret Kelas Pertama. Seksyen 3(2) Akta Perempuan Bersuami 1950 turut memperuntukkan tentang nafkah anak tak sahtaraf. Perkataan ‘his’ digunakan seperti juga dalam seksyen-kecil (1). Boleh jadi maksud perkataan ini ialah supaya rujukan dibuat kepada seorang bapa sahaja, dan tidak merangkumi seorang ibu. Jika si bapa membiarkan atau enggan menanggung anak tak sahtarafnya yang tidak boleh menanggung dirinya sendiri, maka mahkamah boleh memerintahkan si bapa membayar elaun bulanan dalam jumlah yang mahkamah berpendapat munasabah.¹²⁷ Tentang nafkah anak angkat, seksyen 9 Akta Pengangkatan 1952 memperuntukkan anak angkat sebagai seorang anak sahtaraf ibu dan bapa angkatnya. Bagi seorang anak yang telah disahtarafkan melalui seksyen 4 Akta Kesahtarafan 1961, seksyen 9 Akta ini memperuntukkan anak itu dianggap sebagai anak sahtaraf.

Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 (Akta 1968) adalah penting kerana ia memberi cara atau prosedur dengan mana perintah nafkah boleh dikuatkuasakan secara lebih berkesan. Prosedur ini dipanggil ‘sangkutan pendapatan’. Akta ini terpakai di Semenanjung Malaysia. Adapun Akta Perintah Nafkah (Kemudahan Bagi Penguatkuasaan) 1949 (Akta 1949) terpakai di seluruh Malaysia. Ia telah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak sejak 1 Januari 1971. Akta ini membolehkan perintah nafkah yang dikeluarkan di Malaysia dikuatkuasakan di luar negeri. Walaubagaimanapun, negeri tersebut mestilah negeri salingan atau *reciproating country* yang mana tersenarai di dalam jadual Akta tersebut.¹²⁸

¹²⁶ Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah), 1950, (Akta 505).

¹²⁷ Mimi Kamariah Majid (1992), *Undang-undang Keluarga di Malaysia*. Kuala Lumpur: Butterworths Asia, h. 167.

¹²⁸ *Ibid.* h. 173.

Di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 1976), peruntukan-peruntukan berkenaan nafkah juga telah jelas dinyatakan. Seksyen 77 memperuntukkan mahkamah boleh mengeluarkan perintah supaya seorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya. Perkataan yang digunakan ialah ‘may’ atau ‘boleh’. Dengan itu bukan dalam semua keadaan mahkamah boleh memberi perintah.¹²⁹ Seksyen 77 Akta 1976 memperuntukkan:¹³⁰

- (1) Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isterinya atau isterinya yang terdahulu
 - a) dalam masa perjalanan perbicaraan hal ehwal perkahwinan;
 - b) apabila memberi atau selepas daripada memberi suatu dikri perceraian atau perpisahan kehakiman;
 - c) jika, selepas sesuatu dikri menetapkan isteri atau isteri yang terdahulu itu dianggap sebagai mati, isteri atau isteri yang terdahulu itu didapati masih hidup.

Selain itu di bawah Akta 1976, seorang isteri juga boleh diperintahkan membayar nafkah kepada suami atau bekas suami dalam mana-mana satu keadaan seperti yang dinyatakan. Seksyen 77(2) Akta 1976 memperuntukkan seorang isteri juga boleh diperintahkan membayar nafkah sekiranya mahkamah memandangnya munasabah dengan kemampuan isteri tersebut. Peruntukan tersebut menyatakan:¹³¹

- (2) Mahkamah hendaklah juga berkuasa memerintahkan seseorang perempuan membayar nafkah kepada suaminya atau suaminya yang terdahulu jika suami atau suaminya yang dahulu itu tidak berupaya, semua sekali atau separanya, daripada mencari kehidupan oleh

¹²⁹ *Ibid.*

¹³⁰ Seksyen 77 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

¹³¹ Seksyen 77(2) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

sebab kebencanaan otak atau jasmani atau tidak sihat, dan mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada kemampuan perempuan itu adalah munasabah baginya memerintahkan demikian.

Syarat yang penting ialah suami atau bekas suami tidak berupaya, sama sekali atau separanya, mencari kehidupan oleh sebab kebencanaan otak atau jasmani atau tidak sihat, dan mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada kemampuan isteri itu adalah munasabah baginya memerintahkan sedemikian.¹³²

Berkenaan tempoh perintah nafkah, jika nafkah tidak bercagar, sehingga suami atau isteri meninggal, mengikut mana yang lebih awal. Manakala jika nafkah itu telah bercagar, sehingga suami atau isteri yang menerima nafkah meninggal dunia. Tempoh nafkah dibayar bolehlah untuk jangka masa tertentu, tetapi hak mana-mana orang yang diceraikan untuk menerima nafkah daripada bekas suami atau isterinya dibawah mana-mana perintah mahkamah hendaklah tamat apabila dia berkahwin dengan orang lain atau dia hidup dalam adulteri dengan orang lain. Seksyen 81 dan 82 Akta 1976 memperuntukan:

Seksyen 81:¹³³

“Kecuali jika sesuatu perintah nafkah dinyatakan sebagai selama sesuatu tempoh yang lebih singkat atau jika sesuatu perintah itu telah dibatalkan, dan tertakluk kepada seksyen 82, sesuatu perintah nafkah hendaklah tamat-

- (a) jika nafkah itu tidak bercagar, apabila suami atau isteri itu mati, mengikut mana yang lebih awal;
- (b) jika nafkah itu telah bercagar, apabila suami atau isteri itu mati, untuknya perintah itu telah dibuat.

¹³² Mimi Kamariah Majid (1992), *op.cit.*, h. 174.

¹³³ Seksyen 81 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

Seksyen 82 juga menyebut:¹³⁴

- (1) Hak bagi seseorang telah cerai itu menerima nafkah daripada suami atau isterinya yang terdahulu di bawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila orang itu berkahwin atau hidup dalam perzinaan dengan seseorang yang lain.
- (2) Hak bagi seseorang telah cerai untuk menerima nafkah daripada suami isterinya yang terdahulu di bawah sesuatu perjanjian hendaklah terhenti apabila orang itu berkahwin atau hidup dalam perzinaan dengan seseorang yang lain melainkan jika perjanjian itu memperuntukkan selainnya.

Nafkah bagi anak pula diperuntukkan di bawah bahagian VIII Akta 1976. Anak ditakrif sebagai seorang ‘anak dari perkahwinan’ yang berumur di bawah 18 tahun. Seksyen 2(1) Akta 1976 turut memperuntukkan ‘anak dari perkahwinan’ ialah seseorang anak kepada kedua-dua pihak kepada perkahwinan yang berkenaan atau seseorang anak kepada satu pihak kepada perkahwinan itu, yang diterima sebagai ahli keluarga oleh pihak yang satu lagi itu. Anak termasuklah anak tak sahtaraf kepada salah satu pihak kepada perkahwinan itu dan seseorang anak yang diambil sebagai anak angkat oleh salah satu pihak tersebut menurut perintah pengangkatan yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan pengangkatan.

Permohonan untuk mendapatkan nafkah bagi anak-anak boleh dibuat melalui Akta Perempuan Bersuami dan Anak-anak (Nafkah) 1950 atau seksyen 92 dan 93 Akta 1976. Seksyen 92 Akta 1976 memperuntukkan,¹³⁵ adalah menjadi kewajipan seseorang ibu atau bapa menanggung atau memberi sumbangan terhadap nafkah anak-anaknya, samada anak-anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seorang yang lain, samada dengan mengadakan bagi mereka sesuatu tempat tinggal, pakaian, makanan dan pelajaran

¹³⁴ Seksyen 82 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

¹³⁵ Seksyen 92 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

sebagaimana yang munasabah memandangkan kemampuannya dan kedudukannya dalam kehidupan atau dengan membayar kos untuk tempat tinggal, pakaian, makanan dan pelajaran tersebut tadi. Tanggungjawab ini adalah tertakluk kepada mana-mana perjanjian atau perintah mahkamah yang memperuntukkan sebaliknya.

Seksyen 93 Akta 1976 memperuntukkan peruntukan nafkah bagi kanak-kanak. Mahkamah boleh ‘pada bila-bila masa’ memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah untuk faedah anaknya. ‘Mahkamah’ bermaksud Mahkamah Tinggi atau hakimnya, atau jika dibolehkan oleh seksyen 2(2), Mahkamah Sesyen atau hakimnya. Dengan menggunakan perkataan-perkataan ‘pada bila-bila masa’, mahkamah boleh memerintahkan nafkah samada semasa perceraian atau perpisahan kehakiman atau semasa perkahwinan ibu bapa masih berjalan.¹³⁶ Seksyen 93(2) Akta yang sama juga memperuntukkan bahawa mahkamah juga boleh memerintahkan seorang perempuan membayar nafkah kepada anaknya jika mahkamah berpuas hati memandang kepada kemampuannya adalah munasabah memerintahkan demikian. Peruntukan tersebut adalah seperti berikut:¹³⁷

Seksyen 93(2): Mahkamah adalah juga berkuasa memerintahkan seseorang perempuan membayar atau memberi sumbangan terhadap nafkah anaknya jika mahkamah berpuas hati bahawa memandang kepada kemampuannya adalah munasabah memerintahkan demikian.

¹³⁶ Mimi Kamariah Majid (1992), *op.cit.*, h. 177.

¹³⁷ Seksyen 93(2) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

Berkenaan tempoh pembayaran nafkah oleh ibu atau bapa seksyen 95 memperuntukkan, suatu perintah nafkah akan luput apabila anak mencapai umur 18 tahun. Walaubagaimanapun, jika anak itu adalah dalam keadaan hilang upaya dari segi jasmani atau otak, perintah itu akan tamat apabila anak itu tidak lagi berada dalam keadaan hilang upaya itu, mengikut mana yang terkemudian. Perintah nafkah boleh juga untuk jangka masa yang lebih pendek dan ia mungkin diketepikan lebih awal lagi.

3.2 Implikasi Pemelukan Agama Islam Terhadap Nafkah Menurut Undang-undang Sivil

Dalam kes pemelukan Islam, terdapat peruntukan khusus di bawah Akta 1976 yang memperuntukan berkenaan nafkah pasangan perkahwinan bukan Islam apabila salah satu pihak memeluk Islam. Seksyen 51(1) Akta 1976 memperuntukkan pihak yang tidak memeluk Islam boleh memohon perceraian atas alasan penukaran agama pihak yang lain dengan syarat bahawa petisyen tersebut hendaklah dibuat selepas tamat tempoh tiga bulan dari tarikh masuk Islam pihak yang memeluk Islam. Seterusnya memohon untuk nafkah di bawah seksyen 51(2) Akta yang sama.

3.2.1 Nafkah Isteri

Seksyen 51(2) Akta 1976 memperuntukkan pasangan yang tidak memeluk Islam boleh membuat tuntutan relief sampingan setelah mendapat perceraian di bawah sekyen 51(1) Akta 1976. Peruntukan tersebut menyatakan:¹³⁸

51(2) Mahkamah boleh, apabila membubarkan perkahwinan itu membuat peruntukan untuk isteri atau suami, dan untuk nafkah, pemeliharaan dan penjagaan anak-anak dari perkahwinan itu, jika ada, dan boleh mengenakan apa-apa syarat ke atas dikri pembubaran itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Ini bererti, petisyen perceraian yang difaikan oleh pihak yang tidak memeluk Islam di bawah seksyen 51(1) Akta 1976, membolehkan perintah nafkah dibuat terhadap pihak yang memeluk Islam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 51(2) Akta tersebut. Peruntukan ini dikuatkan lagi oleh seksyen 3(3) Akta yang sama. Seksyen 3(3) memperuntukkan bahawa:¹³⁹

“Akta ini tidak boleh dipakai bagi seseorang Islam atau bagi seseorang yang berkahwin di bawah Hukum Syarak dan tiada suatu perkahwinan boleh diupacarakan atau didaftarkan di bawah Akta ini jika salah seorang daripada pihak-pihak perkahwinan itu menganut agama Islam; tetapi tiada apa-apa juga dalam seksyen ini boleh diertikan sebagai menghalang sesuatu mahkamah yang dihadapannya suatu petisyen perceraian telah dibuat di bawah seksyen 51 daripada memberi dikri perceraian atas petisyen daripada satu pihak kepada sesuatu perkahwinan jika pihak yang satu lagi itu telah masuk Islam, dan dikri itu adalah, walau apapun undang-undang bertulis lain yang berlawanan, sah terhadap pihak kepada perkahwinan itu yang telah masuk Islam sedemikian itu.”

¹³⁸ Seksyen 51(2) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

¹³⁹ Seksyen 3(3) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

Maka, apa yang jelas meskipun seksyen 3(3) tersebut menjelaskan bahawa perintah yang dibuat di bawah Akta 1976 tidak boleh dikuatkuasakan terhadap orang Islam, namun pengecualiannya menekankan bahawa peruntukan ini tidak boleh menghalang mahkamah untuk membicarakan petisyen perceraian yang dibuat di bawah seksyen 51. Apa-apa keputusan atau perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah seperti memberi dikri perceraian, nafkah, hak jagaan anak-anak dianggap sah dan berkuatkuasa terhadap suami isteri kepada perkahwinan tersebut, tanpa mengambil kira fakta bahawa salah seorang daripadanya telah memeluk agama Islam.¹⁴⁰

Dalam kes *Letchumy v Ramadason*,¹⁴¹ isu berbangkit ialah samada perintah nafkah yang dikeluarkan oleh mahkamah Sivil kepada pihak bukan Islam terpakai kepada pasangannya yang telah memeluk Islam. Mahkamah memutuskan bahawa, keputusan Mahkamah Sivil terpakai kepada pasangan yang telah memeluk Islam sekiranya alasan perceraian dibuat menurut seksyen 51(1) dan serentak dengan itu permohonan boleh dibuat untuk mendapatkan penyelesaian mengenai nafkah, penjagaan dan pemeliharaan anak. Dalam kes ini, pempetisyen (bekas isteri) telah mendapat perceraian dari mahkamah kerana suami meninggalkannya dalam tempoh yang lama (desertion).¹⁴² Apabila perceraian menjadi mutlak, dia telah memohon nafkah dan responden diperintahkan oleh mahkamah untuk membayar kepada pempetisyen (bekas isteri) sebanyak 200 ringgit sebulan. Responden kemudiannya memohon membatalkan perintah nafkah, kerana Responden telah memeluk Islam dan berdasarkan undang-undang Islam, Pempetisyen tidak mempunyai hak

¹⁴⁰ Zuliza Mohd. Kusrin (2000), “Pemelukan Islam: Tinjauan Terhadap Persoalan Nafkah Suami, Isteri dan Anak-anak yang Berlainan Agama” (Kertas Kerja Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam ke-2 di Universiti Kebangsaan Malaysia, 9-10 November 2000), h. 6.

¹⁴¹ [1984] 1 MLJ 143

¹⁴² Seksyen 54(1)(c) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

untuk mendapatkan nafkah kerana dia tidak turut memeluk Islam bersama suaminya semasa tempoh ‘iddah.

Dengan merujuk kepada seksyen 3(3) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 hakim memutuskan bahawa, oleh kerana perceraian dipohon bukan di bawah seksyen 51(1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976, perintah nafkah tidak boleh dibuat kepada responden dan mahkamah telah memutuskan bahawa seksyen 3(3) telah menolak pemakaian peruntukan seksyen 77 bagi orang Islam. Dengan kata lain, seksyen 77 mengenai nafkah tidak terpakai di sini dan perintah nafkah tersebut diketepikan kerana responden seorang Islam. Namun, jika permohonan perceraian dibuat di bawah seksyen 51(1), maka seksyen 51(2) terpakai kepada pihak yang berkaitan meskipun responden seorang Islam. Dengan makna yang lain, perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi terpakai kepada pasangan yang telah memeluk Islam sekiranya alasan penceraian dibuat menurut seksyen 51(1) Akta tersebut.

3.2.2 Nafkah Suami Yang Tak Upaya

Sekiranya isteri yang memeluk Islam mempunyai suami yang tak upaya, beliau boleh diperintahkan membayar nafkah kepada suami tersebut sebagaimana diperuntukan di bawah seksyen 77(2) Akta 1976. Seksyen 77(2) tersebut menyatakan bahawa mahkamah juga boleh memerintahkan seseorang isteri membayar nafkah kepada suaminya atau suaminya yang terdahulu jika suami atau suaminya yang dahulu itu tidak berupaya, semua sekali atau separanya, daripada mencari kehidupan oleh sebab kebencanaan otak atau jasmani atau tidak sihat, dan sekiranya mahkamah memandangnya munasabah dengan

kemampuan isteri tersebut.¹⁴³ Meskipun seksyen 77 tersebut secara asasnya adalah disekat pemakaianya terhadap orang Islam, namun dalam kes pemelukan Islam ianya terpakai kepada pihak yang memeluk Islam meskipun beliau telah masuk Islam. Ini kerana perkahwinan mereka pada asalnya telah dilangsungkan mengikut akta tersebut.¹⁴⁴ Maka, meskipun salah satu pihak telah memeluk Islam, namun mahkamah boleh mengeluarkan perintah nafkah meskipun setelah pembubaran perkahwinan. Hal ini dapat dilihat dalam satu kes iaitu kes *Tang Sung Mooi v Too Miew Kim*.¹⁴⁵

Dalam kes ini, Mahkamah Agong memutuskan bahawa kedua-dua pihak adalah bukan Islam dan mengikat perkahwinan secara bukan Islam. Memandangkan permohonan mempetisyen di bawah seksyen 76 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976 adalah berkaitan perkara yang melibatkan tanggungan undang-undang kedua-dua pihak yang bukan beragama Islam dan berkaitan dengan perintah perceraian itu, Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan prosiding sampingan walaupun Responden telah memeluk agama Islam selepas perceraian itu, tetapi sebelum pendengaran permohonan sampingan itu. Adapun dari perkataan seksyen 51(2) Akta itu, badan perundangan dengan jelas bermaksud untuk memberi relief sampingan kepada pasangan dan kanak-kanak yang bukan beragama Islam. Oleh itu, Mahkamah Tinggi mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan isu sampingan itu. Fakta bahawa responen telah memeluk Islam tidak boleh dijadikan hujah untuk mengelakkan kewajipannya di bawah suatu perkahwinan bukan Islam. Mahkamah Agong

¹⁴³ Seksyen 77(2) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

¹⁴⁴ Najibah Mohd Zin (2006), " Pertukaran Agama: Kesan Terhadap Status Perkahwinan dan Tuntutan Relief Sampingan", dalam Abdul Monir Yaacob *et al.* (eds.), *Manual Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, h. 197.

¹⁴⁵ [1994] 3 MLJ 117

apabila merujuk kepada kes *Letchumy lwn Ramadason*¹⁴⁶ berpendapat bahawa mahkamah di dalam kes tersebut telah melakukan kesilapan dalam penghakimannya.

Kesimpulannya, tidak wujud sebarang peruntukan dalam Akta 1976 yang membolehkan faktor pasangan suami isteri yang berlainan agama atau faktor suami atau isteri sahaja yang menukar agamanya kepada agama Islam, dijadikan alasan untuk menghentikan tanggungjawab memberi nafkah tersebut.¹⁴⁷ Ini kerana, menurut undang-undang Sivil, tanggungjawab memberi nafkah itu hanya akan terhenti kerana kematian suami atau isteri, mengikut mana yang lebih awal atau apabila suami atau isteri itu berkahwin semula, ataupun hidup dalam perzinaan dengan orang lain.¹⁴⁸ Apa yang jelas, pemelukan Islam oleh salah satu pihak semasa dalam tempoh perkahwinan ataupun selepas perceraian di bawah Akta 1976 tidak akan melepaskan tanggungjawab pihak yang telah memeluk Islam daripada memberi nafkah terhadap pasangannya. Ini bermaksud, pihak yang memeluk Islam tidak boleh sama sekali memohon agar kes seumpama ini dibicarakan dengan merujuk kepada undang-undang Islam kerana walaupun telah menukar agama, beliau masih lagi bertanggungjawab untuk menyara kehidupan pasangannya sehingga ke akhir hayat atau sehingga suami atau isterinya telah berkahwin lain atau telah bersekedudukan dengan pasangan yang lain.¹⁴⁹

¹⁴⁶ [1984] 1 *MLJ* 143

¹⁴⁷ Zuliza Mohd. Kusrin (2000), *op.cit.*, h. 12.

¹⁴⁸ Seksyen 81 dan Seksyen 82, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

¹⁴⁹ Zuliza Mohd. Kusrin (2000), *op.cit.*, h.14.

3.2.3 Nafkah Anak

Pada asasnya undang-undang Sivil mempunyai peruntukan yang selaras dengan undang-undang Islam yang menyatakan bahawa anak-anak yang belum dewasa berhak mendapat nafkah daripada ibu bapa atau penjaga masing-masing¹⁵⁰ walaupun mereka berlainan agama.¹⁵¹ Walaubagaimanapun di bawah Akta 1976, seseorang perempuan juga boleh diperintahkan membayar nafkah kepada anaknya jika mahkamah berpuas hati kepada memandang kemampuannya.¹⁵² Ini bererti, seorang perempuan bukan Islam yang memeluk Islam juga boleh diperintahkan membayar nafkah kepada anaknya jika mahkamah berpuas hati kepada kemampuan untuk berbuat demikian. Demikian juga berkenaan tempoh kewajipan membayar nafkah, seksyen 95 Akta 1976 memperuntukkan tempoh pembayaran nafkah kepada anak-anak samada lelaki atau perempuan hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur lapan belas tahun, melainkan dilanjutkan sekiranya difikirkan munasabah.¹⁵³

3.2.4 Nafkah Anak Tak Sahtaraf

Di bawah Akta 1976 anak tak sahtaraf juga termasuk di bawah tafsiran “anak dari perkahwinan”.¹⁵⁴ Menurut Akta 1976, mahkamah berbidangkuasa memerintahkan seorang lelaki membayar nafkah kepada anak tak sahtarafnya sebagaimana anaknya yang sah. Seksyen 3(2) Akta Perempuan Bersuami & Anak-anak (Nafkah) 1950 juga memperuntukkan bahawa anak tak sahtaraf wajar ditanggung oleh orang yang disangkakan

¹⁵⁰ Seksyen 92, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

¹⁵¹ Zuliza Mohd. Kusrin (2000), *op.cit.*, h.16

¹⁵² Seksyen 93(2), Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

¹⁵³ Seksyen 95 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

¹⁵⁴ Seksyen 2 Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

bapanya. Meskipun seksyen 13 akta ini jelas memperuntukkan bahawa akta ini tidak terpakai kepada orang Islam, namun dalam kes *johan fairbain*,¹⁵⁵ terbukti bahawa akta ini juga terpakai kepada orang Islam.

Dalam kes ini, suami berhujah memandangkan beliau telah memeluk Islam dan isterinya tidak turut memeluk Islam telah wujud perbezaan agama antara mereka. Hal ini sama seperti perkahwinan telah pecah belah. Maka, perkahwinan mereka terbubar dan isteri tersebut tidak lagi berhak ke atas nafkah. Mahkamah menolak hujah suami tersebut dan menyatakan bahawa isteri masih berhak ke atas nafkah walaupun suami telah memeluk Islam. Mahkamah mengikut kes terdahulu dalam *Tan Sung Mooi's*.¹⁵⁶ Isteri iaitu pempetisyen dalam kes ini membuat tuntutan nafkah bukan di bawah Akta 1976 tetapi di bawah seksyen 3(1) Akta 1950.

Selain itu, terdapat peruntukan di bawah Akta Kesahtarafan 1961 bahawa anak yang dilahirkan tidak sahtaraf juga boleh disahtarafkan melalui perkahwinan ibu bapanya.¹⁵⁷ Ini bererti, sekiranya pasangan yang memeluk Islam (samada lelaki atau perempuan) mempunyai anak tak sahtaraf yang telah disahtarafkan melalui perkahwinan sebelum pemelukan Islam, maka anak tersebut boleh dianggap sebagai anak sahtaraf.¹⁵⁸ Oleh itu, beliau diwajibkan membayar nafkah kepada anak tersebut sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 1976 bahawa seseorang lelaki atau perempuan boleh

¹⁵⁵ Dilaporkan dalam Akhbar sahaja, Rujuk *New Strait Times & The Star*, 29 July 1994.

¹⁵⁶ Muhammad Altaf Hussain Ahangar (1994), "Effects of Change of Religion on Marriage and Maintenance Obligation: Judicial Responses in Malaysia", *IIUM Law Journal*, Vol. 4 Numbers 1&2, Oktober 1995, h. 138.

¹⁵⁷ Seksyen 3 Akta Kesahtarafan 1961

¹⁵⁸ Nuraisyah Chua Abdullah (2004), *op.cit.*, h. 40.

diperintahkan membayar nafkah kepada anaknya.¹⁵⁹ Oleh yang demikian, memandangkan pasangan yang memeluk Islam masih terikat dengan Akta 1976 dan Akta 1950 disebabkan oleh Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa, pasangan yang memeluk Islam juga boleh diperintahkan membayar nafkah anak tak sahtarafnya.¹⁶⁰

3.2.5 Nafkah Anak Angkat

Anak angkat ialah seseorang kanak-kanak yang bukan anak kandung dan diterima sebagai salah seorang daripada ahli keluarga. Kedudukan anak angkat sama dengan kedudukan anak yang dilahirkan dalam perkahwinan menurut undang-undang Sivil. Sebagaimana juga status anak tak sahtaraf, anak angkat juga mempunyai kedudukan yang sama dengan anak kandung menurut undang-undang Sivil. Ini kerana, selain dari sekyen 2 Akta 1976, Seksyen 9 Adoption Act 1952¹⁶¹ juga memperuntukkan “anak dari perkahwinan” termasuklah anak angkat dan anak tak sahtaraf.

Kesan daripada pengangkatan anak angkat di bawah akta tersebut, anak angkat juga mendapat kedudukan yang sama dengan anak yang dilahirkan dari keluarga berkenaan. Walaubagaimanapun, kedudukan tersebut adalah berbeza dengan Undang-Undang Keluarga yang diperuntukkan bagi orang Islam. Namun begitu, keadaan ini tidak menjadikan ia sebagai salah satu daripada isu penting dalam kes pemelukan Islam memandangkan perbezaan yang wujud hanyalah terhadap status kanak-kanak tersebut. Dari segi kewajipan nafkah, terdapat satu peruntukan khusus yang mewajibkan seseorang lelaki

¹⁵⁹ Seksyen 92 dan Seksyen 93(2) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian), 1976, (Akta No. 164, 1976).

¹⁶⁰ Nuraisyah Chua Abdullah (2004), *op.cit.*, h. 40.

¹⁶¹ Seksyen 31 Adoption Act 1952 Akta ini memperuntukkan bahawa Akta ini tidak terpakai kepada orang yang beragama Islam.

yang mempunyai anak angkat membayar nafkah kepada anak angkatnya sebagaimana anaknya yang sah.

3.3 Kesimpulan

Undang-undang telah menetapkan dengan jelas bahawa tanggungjawab memberi nafkah adalah perlu dilaksanakan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Tanggungjawab ini tidak boleh diketepikan atau dilepaskan tanpa sebab-sebab yang munasabah. Ianya juga tidak seharusnya dibebankan kepada pihak lain yang tidak sewajarnya sebagai pengganti. Walaubagaimanapun, berdasarkan apa yang dibincangkan terdapat beberapa percanggahan peruntukan yang ada antara undang-undang yang diperuntukkan bagi orang Islam dan bukan Islam. Keadaan ini telah menimbulkan isu dan konflik dalam perundangan yang ada. Bab seterusnya menganalisis secara perbandingan kesan yang timbul dalam persoalan nafkah berdasarkan kedua-dua undang-undang tersebut serta meneliti faktor-faktor yang menyebabkan timbulnya konflik dalam hal ini.